



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28/6/2021	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	PERHILITAN			

Gajah liar ditangkap

Kuala Terengganu: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu berjaya menangkap seekor gajah jantan liar dalam satu operasi di Kampung Hulu Seladang di Setiu, Khamis lepas.

Pengarah Perhilitan Terengganu Dr Abdul Malek Mohd Yusof berkata haiwan liar berumur lingkungan 15 hingga 20 tahun itu ditangkap melalui kaedah tembakan ubat pelali dalam operasi yang dijalankan oleh kakitangan Unit Tangkapan Gajah Terengganu.

Beliau berkata, Perhilitan Terengganu telah menerima aduan daripada penduduk kampung sekitar sejak Mei lepas mengenai sekumpulan gajah yang sering berkeliaran di kampung mereka dan merosakkan tanaman kelapa sawit.

“Dipercayai haiwan itu adalah satu daripada empat ekor gajah yang berkeliaran di kawasan terbabit dan dipercayai sudah terpisah daripada kawan-kawannya,” katanya, semalam.